*dia bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taubat. Suami juga disunatkan membayar kaffarah kepada golongan faqir atau miskin menggunakan matawang Islam, iaitu emas tulen”.*

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (11 Julai 2019), Bersetubuh Sebelum Mandi Wajib Akibat Haid, <http://www.muftiwp.gov.my/ms/>

Terdapat perbezaan Qira'at di dalam ayat ini iaitu pada perkataan ﴿يَظْهَرُ﴾

yang memberi implikasi hukum yang berbeza. Nawawi al-Bantani menerangkan

maksud ﴿يَظْهَرُ﴾ dari Qira'at Nāfi', Ibn Kathīr, Abū 'Amrū, Ibn 'Āmir, Ḥafṣ,

Ya'qūb dan Abū Ja'far yang membawa maksud “sehingga berhenti mengalir

darah”. Manakala maksud dari Qira'at Syu'bah, Ḥamzah dan al-Kisāei yang

membaca dengan *tashdīd* huruf *ṭā'* dan *hā'* ﴿يَظْهَرُ﴾ adalah “suci seseorang

wanita itu adalah dengan mandi”. Jelas di sini bahawa perbezaan Qira'at membawa

kesan yang besar terhadap penentuan sesuatu hukum *fīqhīyyah* (al-Ashqar, 1999)

sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram (Abu Zahrah, t.t.). Walaupun

terdapat perbezaan Qira'at, namun ianya tidak bermaksud ayat al-Quran itu

bercanggah di antara satu sama lain bahkan perbezaan ini memberi keringanan

kepadā umat Islam dalam mengamalkan sesuatu hukum dan menghilangkan

kekeliruan mereka mengenai sesuatu hukum (Siti Fatimah Salleh & Mohd. Zulkifli

Muda, 2011). Perbezaan Qira'at ini seolah-olah memberi pilihan kepada umat Islam





untuk mempraktikkan ajaran Islam selagi mana tidak melanggar batas-batas syarak.

### 1.3 Penyataan Masalah

Tidak ramai umat Islam mengenali ilmu Qira'at kerana ilmu ini tidak berhubung secara langsung dengan urusan kehidupan dan muamalah harian umat Islam sepetimana ilmu fiqh, hadith, tafsir al-Quran dan lain-lain (Abduh Zulfidar Akaha, 1996) sedangkan ilmu Qira'at mempunyai kesan yang besar terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an apatah lagi untuk mengenali karya-karya tafsir yang mengandungi perbahasan mengenai ilmu Qiraat di dalamnya. Walaupun pada awalnya tiada kitab khusus mengenainya ditemui di Nusantara, namun perbahasan mengenainya ada diselitkan dalam kitab-kitab lain terutamanya kitab Tajwid dan kitab Tafsir (Mohd Asmadi, Mohd Ashrof Zaki & Syuhaida Idha, 2014). Terdapat banyak karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama Nusantara, namun disebabkan pengabaian terhadap karya tersebut menyebabkannya hilang begitu sahaja tanpa adanya kajian ke arah pembukuan dan pendokumentasian yang lengkap (Mustaffa Abdullah, 2011). Banyak karya tafsir yang seakan dilupakan dan kewujudannya tidak disedari umat Islam (Mustaffa Abdullah, 2011). Kebanyakan karya tafsir sudah tidak dicetak lagi seperti karya tafsir *Turjumān al-Mustafid*. Usaha mencetak karya ini perlu dilakukan semula kerana nilai dan kedudukan karya ini di Alam Melayu amat tinggi (Ahmad Baha' dan Muhammad Lukman, 2012).





Ulama Nusantara didapati menggunakan pelbagai metode penulisan ilmu Qiraat di dalam karya mereka. Diantaranya ialah kaedah *Qirā'āt al-Tafsīriyyah* atau *al-Mudrajah* iaitu tambahan di antara kalimah al-Qur'an yang menyalahi penyusunan tulisan mushaf dengan tujuan pentafsiran (Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib & Haziyah Hussin, 2016). Umat Islam di Indonesia hanya mengenali satu Qira'at sahaja iaitu Qira'at Ḥafṣ dari Imam 'Āsim sedangkan dalam kajian mushaf kuno mendapati Mushaf Sultan Ternate menggunakan Qira'at Qālūn dari Imam Nāfi' (Mustopa, 2014).

Walaupun terdapat tujuh bacaan imam Qira'at yang terkenal kalangan umat Islam namun demikian hanya empat dari mereka dijadikan bacaan harian umat Islam iaitu Nāfi', Abū Āmru, Ibn Āmir dan Āsim. Dari keempat-empat imam ini pula, tidak semua periyatnya dijadikan bacaan rutin umat Islam (Mustopa, 2014). Ini menggambarkan status dan kedudukan Imam Qiraat di dalam karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara. Karya tafsir *Turjumān al-Mustafid* hanya memperkenalkan tiga bacaan imam Qirā'āt sahaja dalam karya tersebut iaitu Qālūn dari Imam Nāfi', al-Dūri dari Imam Abū 'Amrū dan Ḥafṣ dari Imam 'Asim (Ahmad Baha' dan Muhammad Lukman, 2012). Karya tafsir *Marāḥ Labīd* karangan Nawāwī al-Bantānī telah menggunakan pelbagai pendekatan Qira'at di dalam karya tersebut seperti penggunaan *al-Jumhūr* yang merujuk kepada majoriti *Qurrā'* yang membacanya dan beberapa istilah lain. Beliau didapati tidak konsisten dalam menggunakan elemen Qira'at di dalam karya tersebut (Ikmal Zaidi, 2011).



Tradisi menghuraikan *ikhtilāf al-Qirā'āt* di dalam karya tafsir bukanlah satu perkara yang baru kerana tradisi ini telah dipraktikkan di dalam karya-karya tafsir klasik seperti tafsir al-Tabari, al-Zamakhsyari dan Fakhr al-Razi iaitu melalui ilmu *Tawjīh al-Qirā'āt*. Terdapat beberapa jenis *al-tawjīh* dalam ilmu Qira'at telah dipraktikkan dalam menghuraikan maksud bacaan oleh Imam atau *rawi* Qira'at tertentu. Hal ini berlaku kerana perkaitan yang rapat di antara ilmu Tafsir dan ilmu Qira'at di samping perbezaan Qira'at juga membantu dalam pentafsiran ayat al-Qur'an (Ahmad Baha' dan Muhammad Lukman, 2012). Tradisi ini banyak dipelopori oleh ulama dari Timur Tengah. Walaupun usaha ini telah banyak diperkenalkan oleh mereka, namun tradisi ini jarang dipraktikkan oleh ulama Nusantara (Ahmad Baha' dan Muhammad Lukman, 2012), malah pemerhatian penulis turut mendapati ada juga karya tafsir yang tidak menyentuh langsung ilmu Qira'at di dalamnya. Sungguh pun sesbuah karya tafsir dihasilkan melalui Qiraat Hafs sahaja, namun Qiraat ini amat sinonim dengan masyarakat Islam Nusantara yang tidak perlu untuk diperkenalkan.

Perbezaan Qira'at akan menimbulkan perbezaan maksud di antara satu lafadz dengan lafadz yang lain dalam memahami kandungan al-Qur'an. Perbezaan ini akan mencetuskan khilaf dalam kalangan ulama untuk mengistinbatkan hukum (Mustopa, 2014). Para mufassir perlu menjelaskan perbezaan maksud ayat tersebut supaya dapat menghapuskan kekeliruan masyarakat mengenai ayat-ayat al-Qur'an sehingga benar-benar dapat dihayati dan diambil manfaat oleh masyarakat dalam kehidupan mereka (M. Quraish Shihāb, 2000). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis

aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* dan kaedah penulisan ilmu Qira'at yang digunakan oleh ulama Nusantara pada ayat hukum di dalam karya tafsir mereka.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

- 1.4.1 Memperkenalkan karya-karya tafsir Nusantara yang lengkap 30 juz al-Quran yang mengaplikasikan *Tawjīh al-Qirā'āt*.
- 1.4.2 Mengenalpasti pendekatan penulisan Qira'at pada ayat-ayat hukum dalam tafsir Nusantara.
- 1.4.3 Menganalisis status dan kedudukan Qira'at pada ayat-ayat hukum dalam tafsir Nusantara.
- 1.4.4 Menganalisis aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat-ayat hukum dalam tafsir Nusantara.

## 1.5 Persoalan Kajian

Permasalahan kajian yang telah dikenalpasti perlu diselidik melalui beberapa siri soalan kajian. Soalan kajian adalah bertujuan untuk mengenalpasti jawapan terhadap permasalahan tersebut melalui kajian yang dijalankan. Persoalan kajian ini ialah:

- 1.5.1 Apakah nama karya-karya tafsir Nusantara yang mengaplikasikan *Tawjīh al-Qirā'āt* di dalamnya?

- 1.5.2 Bagaimanakah metode penulisan ilmu Qira'at pada ayat-ayat hukum di dalam tafsir Nusantara?
- 1.5.3 Apakah status dan kedudukan Qira'at yang digunakan pada ayat-ayat hukum di dalam tafsir Nusantara?
- 1.5.4 Bagaimanakah ulama mengaplikasikan *Tawjīh al-Qirā'āt* yang terdapat pada ayat-ayat hukum di dalam tafsir Nusantara?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada ilmu Qira'at dari sudut aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat di dalam karya tafsir Nusantara. Sebanyak lima buah

karya tafsir Nusantara telah dipilih untuk dianalisis aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* dalam karya tersebut. Terdapat sebanyak 116 tempat di dalam karya tafsir Nusantara yang mengaplikasikan ilmu Qira'at berkaitan dengan ayat-ayat hukum. Hasil penelitian dari kitab-kitab tersebut didapati karya *Marah Labīd* telah mengaplikasikan ilmu Qiraat sebanyak 62 tempat manakala *Turjumān al-Mustafid* didapati telah mengaplikasikannya sebanyak 30 tempat sementara *Tafsir al-Miṣbāḥ* sebanyak 10 tempat. Selain itu *Tafsir Nūr al-Ihsān* sebanyak 8 tempat dan *Tafsir Azhar* sebanyak 6 tempat dan menjadikan keseluruhan adalah sebanyak 116 tempat.

Oleh itu, kajian ini akan menilai aspek-aspek yang berkaitan dengan ilmu Qira'at pada ayat hukum dari aspek *Tawjīh al-Qirā'āt* yang terdapat di dalam karya tafsir Nusantara di samping menganalisis pendekatan penulisan Qira'at beserta



sandaran Qiraat di dalamnya.

Hakikatnya kajian yang berkaitan dengan ilmu Qira'at khususnya yang terdapat di dalam karya tafsir Nusantara di negara kita masih tidak banyak dilakukan berbanding dengan imu-ilmu lain seperti fiqh, akidah, hadith dan sebagainya. Kebanyakan hasil kajian mengenai karya tafsir Nusantara tertumpu kepada tokoh, metodologi penulisan, ideologi pengarang dan sebagainya.

Selain itu kajian ini dapat memberi sedikit panduan kepada pihak berkuasa agama khususnya Majlis Fatwa Kebangsaan atau Negeri-negeri dalam menentukan sesuatu hukum syariah dengan mempertimbangkan kesan penggunaan ilmu Qira'at terhadap ayat hukum sebelum sesuatu keputusan mengenai hukum syariah ditetapkan.

Kajian ini merupakan satu khazanah ilmu untuk para sarjana seterusnya dalam mempertimbangkan kajian mengenai kesan penggunaan ilmu Qira'at di dalam pentafsiran al-Qur'an dan seterusnya dapat merancakkan lagi gerakan penulisan dalam bidang ilmu Qira'at. Kesimpulannya, kajian ini mempunyai kepentingan kepada semua pihak samada kepada individu muslim, pihak berkuasa mahupun ahli akademik.



## 1.7 Skop Kajian

Fokus kajian ini ialah aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat hukum di dalam tafsir Nusantara. Kajian ini meliputi wajah-wajah bacaan imam Qira'at, status Qira'at dan *Tawjīh al-Qirā'āt* serta kaedah penulisan Qira'at. Manakala ayat-ayat hukum adalah ayat-ayat yang melibatkan hukum syariah, akidah dan akhlak yang terdapat di dalam al-Qur'an yang mengandungi perbahasan khilaf Qira'at di dalamnya. Ahli tafsir telah berselisih pendapat dalam mengenalpasti ayat-ayat yang dikategorikan sebagai ayat-ayat hukum (Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, 1997). Justeru itu adalah tidak menjadi suatu kesalahan untuk memilih mana-mana ayat untuk dijadikan topik perbahasan dalam apa jua penulisan (Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, 1997).

Dalam konteks kajian ini, ayat-ayat hukum yang dikeluarkan oleh al-Šabūni di dalam *Rawā'i al-Bayān fi Tafsīr Ayāt al-Ahkām min al-Qur'ān* (2007) dijadikan panduan untuk mengenal pasti ayat-ayat hukum di dalam tafsir Nusantara. Menerusi karya ini al-Šabūni telah menghimpunkan ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum sesuai dengan judul karya tersebut. Manakala kajian ini adalah berkaitan dengan ayat-ayat hukum yang mana menurut Zulkifli HJ. Mohd Yusoff (1997) adalah tidak menjadi kesalahan untuk menjadikan mana-mana ayat sebagai topik perbahasan memandangkan para *mufassirin* berselisih pendapat dalam menentukan ayat-ayat untuk dikategorikan sebagai ayat-ayat hukum. Justeru itu keciciran ayat-ayat hukum dalam kajian ini tidak berlaku memandangkan ayat-ayat yang dibincangkan adalah berpandukan kepada apa yang telah dikeluarkan oleh al-Šabūni.

Justeru fokus utama kajian ini ialah terhadap karya tafsir *Turjumān al-Mustafid* oleh Abdul Raūf al-Fanṣūrī, *Tafsir Nūr al-Ihsān* oleh Haji Muḥammad Sa'īd dan *Tafsir Marāḥ Labīd* oleh Nawāwī al-Bantānī, *Tafsir al-Azhar* oleh HAMKA dan *Tafsir al-Miṣbāḥ* oleh M. Quraish Shihāb. Pemilihan karya-karya ini sebagai sampel kajian adalah kerana ianya merupakan karya yang dihasilkan oleh ulama Nusantara yang lengkap 30 juz al-Quran dan mengandungi perbahasan khilaf Qiraat di dalamnya.

## 1.8 Definisi Operasional

Kajian ini bertajuk “*Analisis Aplikasi Tawjīh al-Qirā'āt Pada Ayat-ayat Hukum Dalam Tafsir Nusantara*”. Bagi memahami konsep-konsep utama dalam kajian ini,

pengkaji akan menghuraikan beberapa istilah yang digunakan dalam tajuk kajian ini.

“**Analisis**” bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu persoalan untuk mengetahui kepelbagaian aspek dan ciri-cirinya dengan lebih terperinci atau mendalam (Noresah Baharom, et all, 2005). Kajian ini akan menghuraikan jenis-jenis *Tawjīh al-Qirā'āt* yang terdapat di dalam tafsir Nusantara.

“**Aplikasi**” bermaksud kegunaan sama ada secara praktikal atau amali (Noresah Baharom, et all, 2005). Maksud “aplikasi” dalam kajian ini ialah seorang mufassir mempraktikkan ilmu Qira'at dalam mentafsirkan al-Quran pada ayat-ayat hukum.



“*Tawjīh al-Qirā’at*” terdiri dari dua perkataan; “*tawjīh*” dan “*al-Qirā’at*”. *Al-tawjīh* menurut al-Maydani al-Naysaburi adalah seperti batu yang mempunyai beberapa permukaan tertentu yang berbeza-beza (al-Maydani, 1955). Di dalam *Mu’jam Muṣṭalah ‘Ilm al-Qirā’at al-Qur’āniyyah*, Abd. Al-‘Ali (2011) mentakrifkan *al-Tawjīh* sebagai menggali dan berbalik-balik atau berubah-ubah.

“ilmu Qira’at” menurut Abd. al-Fattāḥ al-Qādī (2002) bermaksud satu ilmu yang membincangkan kaedah menyebut lafaz-lafaz dari al-Qur’ān dan cara pelaksanaannya samaada dari sudut persamaan dan perbezaan dengan menyandarkan bacaan tersebut kepada periwayatnya. Justeru gabungan perkataan “*Tawjīh al-Qirā’at*” merupakan huraian wajah-wajah perbezaan dari lafaz-lafaz al-Quran yang mengandungi khilaf Qira’at.



“**Ayat-ayat Hukum**” terdiri dua perkataan; ayat-ayat dan hukum. “Ayat-ayat” adalah kata jamak dari perkataan “ayat”. Menurut Kamus Dewan bermaksud satu perkataan atau serangkai perkataan yang merupakan kesatuan yang membawa sesuatu maksud (Noresah Baharom, et. all, 2005). Menurut al-Zarqāni dalam *Manāhil al-‘Irfān* mempunyai enam maksud iaitu mukjizat, tanda, pengajaran, perkara yang menakjubkan, sekelompok manusia dan bukti atau dalil.

“**Hukum**” menurut al-Rāghib al-Asfahāni merupakan kata terbitan (*masdar*) yang bermaksud menghalang untuk tujuan pemulihan sebagaimana digunakan pada tali pengikat binatang “hakama” yang bertujuan supaya binatang itu tunduk kepada



tuannya dan menghalanginya daripada melarikan diri atau bertindak liar. Imam al-Ghazali (1993) dalam *al-Muṣṭafa min ‘Ulūm al-Uṣūl* menjelaskan maksud hukum iaitu khitab syara’ apabila berhubungan dengan perbuatan para mukallaf. Ayat-ayat hukum yang digunakan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan hukum shariah, akidah dan akhlak yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

Hukum shariah yang dikaitkan dalam kajian ini adalah permasalahan fiqh seperti ibadah, munakahat, muamalat, jenayah dan jihad melibatkan yang melibatkan hukum halal, haram, wajib, sunat, makruh, sah batal dan harus. Manakala hukum bagi persoalan yang membabitkan akidah dan akhlak di dalam kajian ini melibatkan hukum wajib, haram dan harus.

Ahli tafsir telah berselisih pendapat dalam mengenalpasti ayat-ayat untuk dikategorikan sebagai ayat-ayat hukum (Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, 1997). Justeru itu adalah tidak menjadi suatu kesalahan untuk memilih mana-mana ayat untuk dijadikan topik perbahasan dalam apa juar penulisan (Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff, 1997). Ibn al-‘Arabi (2003) di dalam *Aḥkām al-Qur’ān* turut membincangkan persoalan mengenai akidah pada ayat 102 surah al-Baqarah sebagaimana Firman Allah SWT;

﴿ وَمَا أَنْزَلَ عَلَى الْمَلَكِينَ ﴾



Beliau telah mengaitkan persoalan hukum akidah dengan membincangkan maksud parkataan ﴿الْمَلَكُّين﴾ yang merujuk kepada samada bermaksud “malaikat” atau Nabi Daud dan Nabi Sulayman a.s. ( Ibn al-‘Arabi, 2003).

Al-Jasṣāṣ (1992) di dalam *Aḥkām al-Qur’ān* turut membincangkan persoalan akidah di dalam kitab tersebut apabila beliau mengaitkan hukum mengenai perbuatan sihir. Justeru kajian mendapati ayat hukum yang terdapat di dalam al-Quran bukan sahaja menjurus kepada soal fiqh semata-mata bahkan turut melibatkan persoalan mengenai akidah dan akhlak. Namun apabila dikaitkan dengan persoalan mengenai akidah dan akhlak maka hukum yang lebih sesuai mengenai aspek tersebut adalah wajib, haram dan harus. Sebagaimana keterangan oleh Ibn al-‘Arabi iaitu wajib kita beriman dengan kewujudan malaikat melalui kalimah ﴿الْمَلَكُّين﴾

walaupun ada pandangan lain yang merujuk kalimah tersebut adalah nabi Allah Daud dan Sulayman a.s.

“**Tafsir**” dari sudut bahasa bermaksud penjelasan dan penerangan (al-Dhahabi, 2012), sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Furqān (25:33);

﴿وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا﴾



Maksudnya:

*“Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).*

(Sheikh Abdullah Basmeih, 2013, hlm. 926)

Manakala menurut al-Suyūtī (849H), perkataan “Tafsir” adalah dari *wazan تَفْعِيل* yang bermaksud “penerangan dan pendedahan”. Manakala Ibn Manzūr (1999)

“tafsir” bermaksud menerangkan sesuatu perkara. “Tafsir” dari sudut istilah bermaksud satu ilmu yang membincangkan tentang hal-hal berkaitan dengan al-Qur'an berdasarkan kepada petunjuk-petunjuk selaras dengan kehendak Allah SWT mengikut kemampuan manusia (al-Zarqānī, 2001).

“**Nusantara**” bermaksud Kepulauan Melayu (Noresah Baharom, et. all, 2005). Nusantara yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada Negara Indonesia dan Malaysia.

“**Tafsir Nusantara**” dalam kajian ini adalah merujuk kepada kitab tafsir yang dihasilkan oleh ulama Nusantara.

Menerusi huraihan definisi tajuk kajian ini, dapat dirumuskan bahawa kajian ini berkisar mengenai kaedah penulisan dan kesan penggunaan ilmu Qira'at di dalam karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama-ulama dari Nusantara yang meliputi Kepulauan Melayu.



## 1.9 Kajian-Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas telah diteliti supaya tidak ada persamaan dari sudut fokus kajian yang telah dibuat oleh penulis-penulis lain sebelum ini. Sorotan kajian ini dilakukan melalui beberapa bahan bertulis seperti tesis, disertasi, latihan ilmiah, artikel di dalam jurnal, buku dan sebagainya. Setelah penelitian dilakukan terhadap semua bahan tersebut, pengkaji mendapati masih belum ada mana-mana kajian terdahulu yang menyamai tajuk kajian ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang melibatkan serba sedikit ruang lingkup kajian pengkaji namun berlainan fokus dan matlamatnya. Penulis telah membahagikan kajian-kajian lepas ini kepada beberapa bahagian mengikut tahun terbit kajian tersebut iaitu kajian lepas berkaitan ilmu Qira'at, kajian berkaitan ilmu Qira'at dan ayat hukum, kajian berkaitan tafsir di Nusantara dan kajian berkaitan *al-Tawjīh al-Qirā'āt*.

### 1.9.1 Ilmu Qira'at

Kajian-kajian yang berkaitan ilmu Qira'at telah banyak dilakukan di Nusantara sama ada dalam bentuk tesis, disertasi, jurnal, prosiding, buku dan sebagainya. Namun demikian kajian-kajian ini kebanyakannya tertumpu kepada karya-karya tertentu sahaja tanpa adanya perbandingan yang khusus di antara karya-karya lain yang wujud di Nusantara.



Kajian oleh Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir dan Haziyah Hussin, (2016) di dalam Jurnal al-Turath, vol.1,no.1. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi yang bertajuk “*Pengaplikasian Kaedah Tafsir al-Qur'an Dengan Qira'at oleh Muhammad Said Umar di Dalam Tafsir Nurul Ihsan*” membincangkan mengenai tafsiran Muhammad Sa'id Umar terhadap sebahagian ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan sumber *Qirā'at Tafsīriyyah*. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap bahan kajian manakala data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati Muhammad Sa'id Umar mengaplikasi *Qirā'at Mutawātirah* dan *Qirā'at Mudrajah* di dalam *Tafsir Nūr al-Ihsān*. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan ini adalah berbeza di mana ia melibatkan



05-

pengaplikasian *Tawjih al-Qirā'at* dalam *Tafsir Nur al Ihsan*.

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian oleh Ahmad Baha' bin Mokhtar dan Muhammad Lukman bin Ibrahim, (2012) di dalam International Journal on Quranic Research, vol.2, no. 2 yang bertajuk “*Ikhtilaf Qira'at Kitab Tarjuman al-Mustafid oleh Syeikh Abdul Rauf al- Fanṣūrī: Satu Sorotan*” membincangkan ilmu Qira'at yang terdapat di dalam karya *Turjuman al-Mustafid* dari sudut penulisan *ikhtilāf* dan *al-Tawjīh al-Qirā'at*. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya dengan merujuk kepada sumber yang terdapat di perpustakaan dan internet manakala data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif melalui tema-tema khusus. Hasil kajian mendapati Abdul Raūf al-Fanṣūrī



berjaya memperkenalkan beberapa *ikhtilāf* dan *tawjīh Qirā'āt* yang bersesuaian pada perkataan-perkataan yang terpilih. Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan ini adalah berbeza di mana ia melibatkan pengaplikasian *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum dalam karya *Turjuman al-Mustafid*.

Banyak lagi hasil kajian yang berkaitan ilmu Qiraat di Nusantara telah dihasilkan seperti “*Mushaf Qira'at Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Sejarah Qira'at Nusantara*” oleh Fathullah Munadi (2010) yang dianggap sebagai karya tertua dalam bidang Qira'at di Nusantara yang menghuraikan Qira'at Ḥafṣ dan beberapa Qira'at lain. “*Qira'at Dalam Tafsir Marah Labid li Kashf Ma'na al-Quran al-Majid Karya Syeikh Nawawi al-Bantani*” oleh Ikmal Zaidi Hashim (2011) yang membincangkan pendekatan penulisan Qira'at dalam karya tersebut dengan beberapa kaedah penulisan Qira'at. “*Keragaman Qira'at Dalam Mushaf Kuno Nusantara*” oleh Mustopa (2014) yang menceritakan mengenai ulama Nusantara di masa lalu pernah menulis dan menyalin Qira'at lain pada beberapa mushaf kuno Nusantara. “*Pengaruh Qira'at Terhadap Penafsiran*” oleh Faizah bt Ali yang menyatakan bahawa pemahaman ilmu Qira'at merupakan kunci untuk menguasai ilmuTafsir.



### 1.9.2 Ilmu Qira'at dan Ayat Hukum

Ilmu Qira'at memberi kesan yang besar terhadap penentuan sesuatu hukum di dalam al-Qur'an. Perbezaan Qira'at akan menyebabkan sesuatu hukum itu boleh berubah apatah lagi sekiranya pandangan-pandangan imam mazhab diambil kira dalam penentuan hukum tersebut. Terdapat banyak kajian yang melibatkan kesan perbezaan ilmu Qira'at terhadap ayat-ayat hukum yang terdapat di dalam al-Qur'an. Namun begitu kajian seumpama ini tidak banyak dilakukan terhadap kitab tafsir Nusantara, jika ada pun kajian seumpama ini, ianya hanya tertumpu kepada sesebuah kitab tertentu sahaja seperti "*Qira'at Dalam Tafsir al-Jalalayn*" oleh Nurul Afifah (2017), "*Keragaman Qira'at Dalam Mushaf Kuno Nusantara*" oleh Mustopa (2014), "*Justifikasi Qira'at di Dalam Ta'mim al-Manafi' bi Qira'at al-Imam Nafi' Karangan al-Tarmasi'*" oleh Hayati Hussin et. all (2016) dan lain-lain lagi.

Kajian oleh Mohd A'Tarrahim bin Mohd Razali (2016) PhD, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk "*Qira'at Mutawatir dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan dan Pendedahan Dalam Kalangan Ilmuwan Islam di Terengganu*" menegaskan bahawa *Qira'at Mutawatir* mempunyai pertalian yang rapat dengan pelbagai disiplin ilmu termasuklah ilmu fiqh. Kajian ini melibatkan gabungan metode kualitatif dan kuantitatif. Impak ilmu ini ternyata dominan dalam menentukan perbezaan pola dan corak hukum fiqh dalam kalangan fuqaha. Kajian mendapati sebahagian dari ilmuwan Islam kurang memberi perhatian terhadap

pengaruh ilmu Qira'at pada hukum fiqh. Kajian juga mendapati bahawa ilmu Qira'at adalah salah satu sumber utama dalam penentuan hukum fiqh Islam. Selain itu kajian mendapati bahawa pengetahuan dan pendedahan terhadap ilmu Qira'at dalam kalangan ilmuan Islam di Terengganu masih berada pada tahap sederhana. Walaupun kajian ini hampir sama dengan bidang kajian yang dijalankan namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Kajian oleh Ibrahim bin Mohd. Sobki (2010), Sarjana Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang bertajuk “*Kesan Qira'at di Dalam Pentafsiran al-Quran: Kajian Analisa Terhadap Tafsir Imam al-Tabari di Dalam Surah al-Baqarah*” membincangkan kesan perbezaan bacaan oleh Imam Qira'at Sepuluh di dalam kitab Tafsir al-Tabari. Kesan perbezaan bacaan ini membawa kepada implikasi pentafsiran ayat al-Qur'an dari sudut tatabahasa arab, hukum syarak dan akidah umat Islam. Pendekatan yang diambil di dalam kajian ini ialah dengan menganalisis ayat-ayat yang mempunyai perbezaan bacaan di antara Imam Qira'at Sepuluh. Walaupun kajian ini berada dalam bidang yang sama iaitu ilmu Qiraat namun ia berbeza dari sudut fokus kajian iaitu *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam al-Quran.

Kajian di peringkat sarjana oleh Hayati Hussin (2009), Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertajuk “*Rawa'i al-Bayan fi Tafsir Ayat al-Ahkam*:



*Analisis Terhadap Perbezaan Qira'at Yang Menyumbang Kepada Perbezaan Hukum*” membincangkan tentang ilmu Qira'at dan metodologi kitab tafsir dengan membuat analisis terhadap ilmu Qira'at dan kaitan wajah-wajah Qira'at yang menyumbang kepada perbezaan hukum. Metode kajian yang digunakan ialah dokumentasi perpustakaan dengan merujuk kepada sumber-sumber yang berautoriti dalam bidang yang berkaitan. Perbincangan di dalam kitab ini bukan hanya melibatkan hukum fiqh sahaja bahkan juga melibatkan hukum berkaitan akidah dan akhlak. Hasil kajian mendapat perbezaan Qira'at akan menyebabkan berlakunya perbezaan dalam menentukan sesuatu hukum. Walaupun menggunakan kitab yang sama sebagai rujukan, kajian ini berbeza dengan kajian yang dijalankan iaitu dengan memfokuskan kepada aspek *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam karya tafsir Nusantara.



Kajian di peringkat Sarjana oleh Mohd Faizulamri bin Mohd Saad (2009) yang bertajuk “*Penambahan Bacaan al-Qur'an oleh Para Sahabat r.a. dan Kesannya Terhadap Tafsir al-Qur'an Serta Fiqh Islami: Analisis dari Surah al-Baqarah hingga surah al-Mā'idah*”, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi membincangkan tentang bacaan al-Qur'an oleh para sahabat, hubungan dan kesannya dalam pentafsiran ayat-ayat al-Qur'an dan juga ayat-ayat yang mengandungi permasalahan fiqh. Kajian ini turut membincangkan sumber, nilai, penghujahan tafsiran sahabat, hukum beramal denganya serta penggunaannya di sisi ulama tafsir dan fiqh. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan





menggunakan kedah dokumentasi dan perpustakaan dengan merujuk kepada kitab-kitab yang muktabar, jurnal dan bahan ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian mendapati penambahan bacaan oleh para Sahabat memberi impak yang besar terhadap pentafsiran dan pensabitan hukum. Perbezaan kajian ini dengan kajian yang dijalankan adalah perbezaan pada fokus kajian iaitu aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum dalam tafsir Nusantara.

Kajian oleh Ibrāhīm Muḥammad Faḍl (2009), Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith Universiti Malaya yang bertajuk "*al-Qirā'āt al-Mutawātirah wa Ta'thīruha 'alā al-Mufassirīn Dirāsah Mukhtārah Min Tafsīr Rad al-Azhān Ila Ma'āni al-Quran*" karangan *al-Syeikh Abi Bakar Maḥmūd al-Jūmī*" memfokuskan kepada kesan pentafsiran al-Quran hasil dari perbezaan Qira'at. Pendekatan yang diambil oleh beliau ialah dengan menganalisis ayat al-Qur'an yang mengandungi perbezaan bacaan yang membawa kesan terhadap pentafsiran sesebuah ayat. Walaupun kajian ini berada dalam bidang yang sama namun perbezaan kajian ini juga pada fokus kajian iaitu aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam karya tafsir Nusantara.

Kajian oleh Muhammad bin 'Umar bin Salim Bazamul (1999) PhD, Universiti Umm al-Qura, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah yang bertajuk "*Al-Qira'at wa Atharuha fi al-Tafsir wa al-Ahkam*" telah memfokuskan kepada *al-Qira'at al-Mutawatirah* dengan menganalisis kesan dan pengaruh Qira'at terhadap



pentafsiran al-Qur'an dan hukum syariat. Metode kajian yang digunakan ialah metode dokumentasi dengan merujuk kitab-kitab yang berautoriti dalam bidang yang berkaitan. Data di analisis dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan kajian yang diperolehi mendapat terdapat pengaruh dan kesan *al-Qira'at al-Mutawatirah* terhadap pentafsiran al-Qura'n dan hukum syariat. Kajian beliau meliputi keseluruhan mushaf al-Qur'an dengan memfokuskan kepada kaitan bacaan imam-imam Qira'at dan pentafsiran ayat al-Qur'an yang merangkumi aspek hukum, bahasa dan sebagainya. Namun begitu kandungan yang terdapat di dalam kitab ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan iaitu dengan memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam karya tafsir Nusantara.

Karya oleh Muhammad al-Habash (1999) yang bertajuk *al-Qirā'āt al-Mutawatirah wa Atharuha fi al-Rasm al-Qur'āni wa al-Ahkām al-Shar'iyyah* menjelaskan tentang kesan ilmu Qira'at terhadap rasm dan hukum shari'ah. Kajian ini menganalisis tentang kesan ilmu Qira'at terhadap al-rasm al-Qur'an, bahasa arab, hukum berkaitan akidah dan shariat. Metode kajian yang digunakan ialah metode dokumentasi dengan merujuk kitab-kitab yang berautoriti dalam bidang yang berkaitan. Karya ini mendapati bahawa *al-Qirā'āt al-Mutawatirah* memberi kesan terhadap al-rasm al-Qur'an, bahasa arab, hukum berkaitan akidah dan shariat. Muhammad al-Habash menggariskan bahawa *al-Ahkām al-Shar'iyyah* adalah merujuk kepada hukum yang berkaitan dengan akidah dan juga hukum fiqh. Namun



begitu kajian ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan iaitu dengan memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam karya tafsir Nusantara.

Banyak lagi hasil karya dan kajian berkaitan ilmu Qiraat dan ayat hukum yang dihasilkan seperti kitab *Aḥkām al-Qur'ān* oleh Abu Bakr Ibn al-Arabi (2003) dan *Aḥkām al-Qur'ān* oleh Abu Bakr al-Jaṣṣāṣ (1992) yang turut menyenaraikan pelbagai kategori hukum yang terdapat di dalam al-Quran samada hukum berkaitan dengan akidah, fiqh dan juga akhlak. “*Perbezaan Qira'at Mutawatirah dan Aplikasinya dalam Ayat-ayat Munakahat*” oleh Siti Fatimah Salleh dan Mohd Zulkifli Muda (2011), “*Kajian Komperatif Antara Qira'at Āṣim dan Nāfi', Implikasi Pada Hukum Fiqh*” oleh Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff dan Mohd A'Tarahim Mohd Razali (2012), “*Qirā'āt al-Qur'an dan Pengaruhnya Terhadap Istinbat Hukum*” oleh Misnawati (2014) dan “*Qira'at Pada Ayat-ayat Ahkam dan Pengaruhnya Terhadap Hukum Fikih*” oleh Miftah Khilmi Hidayatullah (2017).

Berdasarkan kajian-kajian ini dapat disimpulkan bahawa ayat-ayat hukum yang terdapat di dalam al-Quran adalah merujuk kepada hukum berkaitan akidah, fiqh dan juga akhlak.



### 1.9.3 Tafsir di Nusantara

Karya tafsir yang lengkap berbahasa melayu yang pertama muncul di Nusantara adalah pada tahun 1675 melalui karya *Turjumān al-Mustafid* oleh Abdul Raūf al-Fansūrī (Riddell, 2001). Kesinambungan dari karya ini telah lahir ramai dari kalangan ulama Nusantara dalam penulisan karya tafsir seperti *Marāh Labīd* karya Nawawi al-Bantani, *Tafsir al-Azhar* karya HAMKA, *Tafsir Nūr al-Ihsān* karya Muhammad 'Umar Sa'id, *'Abra al-Athir* karya Ahmad Soenhadji, *Tafsir al-Miṣbāh* karya M.Quraish Shihāb dan banyak lagi. Malangnya kebanyakan karya tafsir Nusantara hilang disebabkan pengabaian terhadapnya tanpa dilakukan kajian untuk dibukukan dengan sempurna (Mustafa Abdullah, 2011). Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan perkembangan ilmu Tafsir di Nusantara yang menyentuh isi kandungan karya-karya tersebut seperti metodologi penulisan, pemikiran dan sumbangannya oleh tokoh. Namun begitu tidak banyak kajian terhadap karya-karya ini yang menyentuh secara khusus aspek ilmu Qira'at di dalamnya.

Kajian oleh Mohd Fazali bin Abdul Manas (2018) PhD, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak yang bertajuk “*Applikasi Maqasid al-Syari'ah Terhadap Pentafsiran Ayat-ayat Hukum Jenayah Dalam Tafsir al-Azhar Karangan HAMKA*” bertujuan untuk mengenalpasti perkembangan *maqasid al-syari'ah* dan aplikasinya terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum di dalam al-Qur'an. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumentasi manakala data dianalisis dengan menggunakan

kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa *maqasid al-syari'ah* telah diaplikasi oleh HAMKA terhadap pentafsir ayat-ayat hukum jenayah dalam tafsir al-Azhar. Walaupun kajian ini menggunakan kitab yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Penulisan oleh Ansor Bahary, (2015) di dalam Jurnal Ulul Albab, vol.16, no.2, Institut Perguruan Tinggi Ilmu al-Qur'an, Indonesia yang bertajuk "*Tafsir Nusantara: Studi Kritis Terhadap Marah Labid Nawawi al-Bantani*" membincangkan tentang kepelbagaiannya metodologi tafsir yang digunakan oleh ulama tafsir Nusantara dengan memfokuskan kepada karya *Marāḥ Labīd*. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumentasi manakala data dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati karya *Marāḥ Labīd* dianggap tafsir yang menghubungkan corak pentafsiran tradisional dan moden. Walaupun kajian ini menggunakan kitab yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Kajian oleh Abdul Hafiz bin Abdullah (2013) PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk "*Pengaruh Persekutaran Dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar*" telah meninjau faktor persekitaran yang oleh mempengaruhi seseorang



*mufassir* dalam menghasilkan karya tafsir mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana persekitaran berkaitan isu akidah, wanita dan masyarakat mempengaruhi HAMKA dalam menghasilkan karya tafsirnya. Kajian ini menganalisis sikap dan pendirian HAMKA terhadap situasi masyarakat pada zamannya. Hasil kajian ini mendapati bahawa pesekitaran telah mempengaruhi dan memberi impak penting kepada HAMKA ketika melakukan pentafsiran al-Qur'an. Kajian mendapati bahawa persekitaran perlu diberi perhatian oleh *mufassir* ketika melakukan pentafsiran terhadap ayat-ayat suci al-Qur'an untuk memudahkan pembaca memahami isi kandungan al-Qur'an. Kajian ini hanya memfokuskan kepada tafsir al-Azhar sahaja sedangkan kajian penulis lakukan adalah dengan memfokuskan kepada tafsir-tafsir di Nusantara.



Kajian oleh Nurzatil Ismah bt. Azizan (2009) Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk “*Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Sa'id bin 'Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman: Kajian Perbandingan Metodologi Pentafsiran*” mengkhususkan perbandingan metodologi pentafsiran dan pemikiran di dalam dua karya tersebut. Kajian adalah bertujuan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan serta kekuatan dan kelemahan di antara kedua-dua karya tersebut. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah dokumentasi, historikal dan temubual. Data-data dianalisis secara induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapati Muhammad Sa'id bin 'Umar dan Mustafa Abdul



Rahman mempunyai persamaan dari sudut metodologi pentafsiran iaitu dengan menggunakan sumber *tafsir bi al-ma'thur*, *tafsir bi al-ra'y* dan *asbab al-nuzul*. Perbezaan di antara keduanya adalah dari sudut pemikiran yang dapat dilihat melalui pentafsiran mereka. Walaupun kajian ini menggunakan kitab yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'at*.

Kajian oleh Miftahuddin bin Kamil (2008) Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk “*Tafsir al-Misbah Karangan Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab: Kajian Dari Segi Metodologi*”, bertujuan untuk mengetahui metodologi pentafsiran secara umum.

Kajian juga bertujuan untuk mengkaji sumber rujukan tafsir samada *bi al-ma'thur*, *bi-al-ra'y* atau *bi-al-isyari* di samping mengenalpasti kaedah penyampaian tafsir samada secara *tahlili*, *ijmali*, *maudu'i* atau *muqaran*. Selain itu kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan pengarang samada pentafsiran mengkhususkan kepada *tafsir al-'ilmi*, *tafsir al-fiqhi*, *tafsir al-adab al-lughawi*, *tafsir al-adab al-ijtima'i* dan sebagainya. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati M. Quraish Shihab menggunakan metode *tafsir bi al-Ra'y* yang terpuji (*al-mahmudah*) dari segi rujukan sumber tafsir manakala dari sudut kaedah penyampaian beliau telah menggunakan pendekatan secara *al-tahlili*. Beliau didapati cenderung ke arah *tafsir al-adab al-lughawi* dan *al-adab al-ijtima'i*. Walaupun kajian ini menggunakan kitab

yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Kajian oleh Zulkifli Mohd Yusoff dan Wan Nasryuddin Wan Abdullah (2005) di dalam Jurnal Pengajian Melayu, Jil.16 yang bertajuk “*Tarjumān al-Mustafid: Satu Analisa Terhadap Karya Terjemahan*” menyingkap tentang sejarah dan latar belakang kemunculan karya *Turjumān al-Mustafid*. Kajian menghuraikan status karya yang dihasilkan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Singkeli samada ianya adalah karya asli pengarang ataupun diterjemahkan dari karya tafsir lain. Kajian mendapati bahawa karya *Turjumān al-Mustafid* adalah merupakan karya asli pengarang yang dihasilkan dengan merujuk beberapa kitab tafsir lain. Walaupun kajian ini menggunakan kitab yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Kajian oleh Hamza binti Muhammad@Hamdan (2005) Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya Kuala Lumpur yang bertajuk “*Metodologi Muhammad Sa'id bin 'Umar Dalam Tafsir al-Qur'an: Suatu kajian Terhadap Tafsir Nurul Ihsan*”, bertujuan untuk menganalisis metodologi pentafsiran di dalam karya tersebut. Pendekatan kajian ini adalah berbentuk konsep dan teori serta analisis dan perbandingan. Metodologi pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah perpustakaan dan lapangan. Hasil kajian mendapati Muhammad Sa'id bin 'Umar merupakan seorang tokoh ulama dan cendikiawan

Islam yang memberikan sumbangan besar terhadap dunia penulisan terutamanya melalui Tafsir Nurul Ihsan. Tafsir ini juga didapati menekankan persoalan *al-Ma'thūr* dan *al-Ra'y*. Walaupun kajian ini menggunakan kitab yang sama namun ia berbeza kerana kajian yang dijalankan ini lebih memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt*.

Antara karya-karya atau penulisan-penulisan yang dibahaskan oleh para pengkaji berkaitan bab ini adalah seperti “*Metode dan Corak Penafsiran al-Qur'an Muhammad Said bin Umar Dalam Tafsir Nur al-Ihsan Serta Implementasinya Dalam Penafsiran*” oleh Saifuddin bin Asyari (2010). ”*Khazanah Tafsir di Nusantara*” oleh Mustaffa Abdullah (2011), “*Perkembangan Tafsir Modern di Indonesia*” oleh Ahmad Atabik (2014), “*Metode Tafsir: Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna atau Corak Mufassirin*” oleh Hujair A.H. Sanaky (2008) dan “*Corak Penafsiran M. Quraish Shihab Dalam Tafsir al-Misbah*” oleh Atik Wartini (2014).

Walaupun kajian-kajian ini melibatkan beberapa karya tafsir Nusantara yang sama namun ianya berbeza dengan kajian yang dijalankan ini iaitu dengan memfokuskan kepada aplikasi *Tawjih al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

#### 1.9.4 *Tawjīh al-Qirā'at*

Terdapat beberapa hasil kajian yang berkaitan *Tawjih al-Qirā'at* seperti kajian oleh Abd Muhammin bin Ahmad, Muhammad Hafiz bin Saleh & Zulhilmi bin Mohamed Nor (2020) di dalam *Peranan Hadith Dalam Ilmu Taujih Qira'at: Analisis Terhadap Kitab Ḥujjah Al-Qirā'at Karangan Ibn Zanjalah*. Beliau telah mengemukakan pandangan ulama yang merujuk kepada hadith dalam menghuraikan perbezaan makna yang wujud dari perbezaan Qira'at. Beliau turut mengemukakan sumber *al-tawjīh* daripada al-Quran dan al-Hadith, bahasa Arab, Nahu dan Syair. Daripada sumber inilah dapat disimpulkan pembahagian *al-tawjīh* kepada *al-Tawjīh al-Naqli*, *al-Tawjīh al-Lughawi*, *al-Tawjīh al-Nahwi* dan *al-Tawjīh al-Syiri*. Namun begitu kajian ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan kerana fokus utama kajian yang berbaza iaitu aplikasi Tawjih al-Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

Manakala kajian oleh Muhammad Fairuz b. A. Adi, Mohamad Redha bin Mohamad, Shaharuddin bin Saad (2020) di dalam *Aplikasi Tawjih al-Qira'at Dengan Hadith di Sisi Imam al-Sakhawi Dalam Fath al-Qasid fi Syarḥ al-Qasid* menggambarkan Tawjih al-Qira'at sebagai penghubung kepada kefahaman sesuatu Qira'at. Kajian ini menganalisis metode al-tawjih dengan hadith yang digunakan oleh al-Sakhawi dalam membahaskan matan ilmu Qira'at *Hirz al-Amani wa wajh al-Tahani*. Kajian ini telah mengemukakan *al-Tawjīh al-Naqli* yang menggunakan hadith Nabi dalam menghuraikan kandungan matan tersebut. Namun begitu kajian

ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan kerana fokus utama kajian yang berbaza iaitu aplikasi Tawjih al-Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

Kajian Ikmal Zaidi Hashim (2015) di dalam *Keperluan Aplikasi Al-Dirayah Dalam Pengajaran Ilmu Qira'at Di Malaysia* menyatakan kepentingan ilmu al-Tawjih al-Qira'at sebagai penghubung kepada ilmu-ilmu lain. Beliau turut mengemukakan pembahagian *al-tawjīh* kepada empat bahagian iaitu *al-Tawjīh al-Nāḥwiyyah*, *al-Tawjīh al-Šarfiyyah*, *al-Tawjīh al-Šawtiyyah* dan *al-Tawjīh al-Dalāliyyah*. Namun begitu kajian ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan kerana fokus utama kajian yang berbaza iaitu aplikasi Tawjih al-Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

Penulisan oleh Hudā Hishām Ismāīl (t.t.) di dalam *al-Tawjīh al-Lughawi li al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah fī Surah al-Māi'dah* telah mengemukakan *al-Tawjīh al-Lughawi* di dalam surah al-Mai'dah. Beliau telah mengemukakan pembahagian *al-Tawjīh al-Lughawi* kepada lima bahagian iaitu *al-Tawjīh al-Šawti*, *al-Tawjīh al-Nāḥwi*, *al-Tawjīh al-Šorfi*, *al-Tawjīh al-Ma'navi* dan *al-Tawjih al-Balāghiy*. Namun begitu kajian ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan kerana fokus utama kajian yang berbaza iaitu aplikasi Tawjih al-Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.



Manakala Hamzah Muhammad (t.t) di dalam *Tawjīh al-Qirā'āt Ta'rīfuhu, Asmā'u hu, Muṣṭalahātuhu, Maṣdaruhu mengemukakan pemahaman tentang *al-Tawjīh al-Qirā'āt* dan peranannya dalam huraian mengenai ilmu Qira'at serta hubungkait *al-Tawjīh al-Qirā'āt* dengan ilmu-ilmu lain. Beliau turut mengemukakan pembahagian *al-tawjīh* kepada empat bahagian iaitu *al-Tawjīh al-Ṣawtiyyāh, al-Tawjīh al-Ṣorfiyyah, al-Tawjih al-Balāghiyah* dan *al-Tawjih al-Dalāliyyah*. Namun begitu kajian ini berbeza dengan kajian yang penulis lakukan kerana fokus utama kajian yang berbaza iaitu aplikasi Tawjih al-Qira'at pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.*



Bagi kajian-kajian yang berkaitan *Tawjih al-Qirā'āt*, walaupun kajian ini berada dalam bidang yang sama namun fokus *Tawjih al-Qirā'āt* dalam kajian yang dijalankan ini lebih tertumpu kepada aplikasi pada ayat hukum yang terdapat dalam tafsir Nusantara.

Penelitian penulis terhadap semua hasil kajian dan penulisan ini mendapati sungguhpun ada dibincangkan mengenai ilmu Qira'at dalam karya tafsir, namun penulis mendapati masih belum ada kajian khusus yang membincangkan berkaitan aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat hukum di dalam tafsir Nusantara. Justeru penulis amat yakin kajian ini wajar diketengahkan bagi memenuhi ruang-ruang yang ditinggalkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.



## 1.10 Metodologi Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan metodologi yang akan digunakan untuk menghasilkan dapatan kajian. Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji dengan mematuhi prosedur-prosedur tertentu sepanjang menggunakan metodologi yang dipilih. Metodologi kajian melibatkan aspek reka bentuk kajian, prosedur pengumpulan data, prosedur analisis data dan prosedur pengesahan data di samping etika-etika lain yang perlu dipatuhi oleh pengkaji (Othman Lebar, 2009).

### 1.10.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan proses penyelidikan yang bermula dari proses mengenalpasti masalah kajian sehingga proses menulis laporan kajian (Creswell, 1998; Othman Lebar, 2009). Reka bentuk kajian tidak boleh digunakan dalam semua kajian, tetapi satu kajian boleh menggunakan beberapa reka bentuk kajian yang berbeza (Chua Y. P., 2006). Penyelidikan kualitatif merupakan satu pendekatan kajian yang bukan eksperimental dalam mengumpul dan menganalisis data (Chua Y. P., 2006). Perkataan kualitatif berasal dari kata kualiti. Sudah pasti setiap pengkaji akan berusaha untuk menghasilkan kajian yang mempunyai kualiti. Namun begitu, maksud kualiti di sini bukanlah sebagai mutu, tetapi ia merujuk kepada ciri-ciri yang ada pada subjek yang dikaji (Asmah Hj. Omar, 2008). Penyelidikan kualitatif adalah bersifat deskriptif di



mana pengkaji cenderung untuk melihat proses, makna dan pemahaman melalui perkataan atau gambar (Merriam, 1998; Othman Lebar 2009).

Keseluruhan kajian ini adalah merupakan kajian perpustakaan (*library research*). Kajian perpustakaan amat sesuai digunakan dalam kajian terhadap karya tafsir Nusantara untuk menganalisis aplikasi *Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat hukum yang terdapat di dalamnya. Kajian perpustakaan hanya melibatkan pengkaji menganalisis kandungan bahan kajian yang terdapat di perpustakaan, gedung-gedung bacaan, laman sesawang, perisian program dan sebagainya.



Selain metodologi penyelidikan kualitatif, reka bentuk kajian historiografi turut digunakan dalam kajian ini. Kajian sejarah melibatkan peristiwa yang telah berlaku dan individu yang hidup di zaman tersebut (Noraini Idris, 2010). Kajian sejarah melibatkan proses pengumpulan dan penilaian data yang berkaitan dengan masa lampau untuk mengenalpasti sebab, akibat, kesan dan perkembangan sesuatu peristiwa dalam membantu menerangkan peristiwa pada masa kini dan membantu meramal peristiwa akan datang (Noraini Idris, 2010). Kajian sejarah digunakan dalam kajian ini untuk mengenalpasti perkembangan ilmu Qira'at dan ilmu Tafsir serta tokoh-tokoh yang terlibat dalam penulisan karya tafsir di Nusantara.



### 1.10.2 Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidikan kualitatif meletakkan penyelidik sendiri sebagai salah satu instrumen utama dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data (Noraini Idris, 2010). Terdapat banyak kaedah yang boleh digunakan dalam proses pengumpulan data (Othman Lebar, 2009). Namun begitu, pengkaji hanya memilih beberapa kaedah pengumpulan data yang bersesuaian untuk digunakan.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenalpasti beberapa dokumen untuk dianalisis bagi mendapatkan maklumat yang boleh memberi jawapan terhadap persoalan kajian (Othman Lebar, 2009). Dokumen yang dikenalpasti adalah sama ada dari sumber primer maupun sekunder. Kajian perpustakaan dilakukan dengan menganalisis dokumen, bahan bacaan di perpustakaan atau gedung bacaan lain termasuk bahan bacaan atas talian (*on line*) untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian. Di antara dokumen tersebut ialah buku-buku, tesis dan disertasi, artikel dari jurnal, kertas kerja, prosiding dalam buku, laporan akhbar atau majalah yang berautoriti, laman sesawang yang berautoriti, aplikasi digital seperti *Maktabah Shamilah*, *al-Mausu'ah al-'Ammah* dan sebagainya.

Bagi mendapatkan dokumen-dokumen tersebut, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan di universiti awam seperti Perpustakaan Tengku Bainun

UPSI, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam di UM, Perpustakaan Dar al-Hikmah UIAM, Perpustakaan Tun Sri Lanang UKM, Perpustakaan Darul Quran JAKIM, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Islam, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (Bahagian Dokumentasi) serta kedai-kedai dan pameran buku.

Manakala bagi sumber dari aplikasi digital, pengkaji telah membeli aplikasi tersebut dan di muat naik (*in stall*) dalam komputer untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan. Untuk mendapatkan artikel dari jurnal, selain merujuk kepada jurnal yang bercetak (*hard copy*) pengkaji turut merujuk kepada jurnal atas talian (*on line journal*) melalui aplikasi carian *Google Scholar*, *Academia*, *Researh Gate* dan banyak lagi. Artikel yang diperolehi dari sumber ini akan dimuat turun dan dicetak (*print*) untuk dianalisis. Kesemua sumber yang diperolehi ini dianalisis melalui pembacaan yang teliti bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penggunaan sumber dokumentasi data yang digunakan di dalam kajian ini boleh diringkaskan kepada beberapa bahagian:

i) Al-Qur'an al-Karim

Merupakan rujukan utama yang digunakan di dalam kajian ini di samping *Mushaf al-Qur'an al-Qirā'āt* untuk mengenalpasti lafaz-lafaz Qira'at dan imam-imam Qira'at yang terlibat.

ii) Kitab-kitab Hadith

Kitab-kitab hadith digunakan untuk mengenalpasti sumber serta kedudukan hadith yang digunakan di dalam kajian (*takhrij hadith*).

iii) Terjemahan al-Qur'an

Memandangkan kajian dilakukan terhadap kitab tafsir Nusantara yang menggunakan bahasa Melayu klasik, terjemahan ayat al-Qur'an diperlukan untuk memahami maksud sebenar kandungan kitab tafsir tersebut. Terjemahan ayat al-Qur'an adalah dengan menggunakan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an 30 Juz oleh Sheikh Abdullah Basmeih, Cetakan ke-22, Kuala Lumpur 2013.

iv) Kitab-kitab berkaitan tafsir al-Quran

Pelbagai kitab tafsir telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan perkembangan ilmu Tafsir seperti *Buhuth fi Usūl al-Tafsīr wa Manāhijuh* oleh Al-Rūmi, Fahd bin ‘Abd. Al-Rahmān bin Sulaimān (1998), *Usūl al-Tafsīr wa Qawā'iduh* oleh Al-‘Ak, Khalid ‘Abd. Al-Rahman (1986), *Sejarah Tafsir al-Qur'an dan Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* oleh Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Abdul Hanis Embong (2017) *Sejarah Peradaban Islam Indonesia* oleh Musyrifah Sunanto (2005), *Khazanah al-Qur'an & al-Hadith Nusantara* oleh Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman dan Faisal Ahmad Shah (2009), *Perkembangan Tafsir al-Qur'an di Indonesia* oleh Nashruddin Baidan (t.t), *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān* oleh Al-

Zarkashi, Badr al-Din Muhammad 'Abd. Allah, (t.t) dan banyak lagi.

v) Kitab-kitab berkaitan ilmu Qira'at

Kajian terhadap ilmu Qira'at difokuskan kepada *Qirā'āt Mutawātirah*, *Masyhūr*, *Aḥād*, *Shāz*, *Mauḍū'* dan *Mudraj* dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan ilmu Qira'at serta perkembangannya di Nusantara. Pencarian maklumat berkaitan ilmu Qira'at ini telah dilakukan melalui beberapa kitab Qira'at seperti *al-Qirā'āt al-Qur'āniyyah wa Mā Yata'allaqu Bihā* oleh Faḍl Ḥasan 'Abbās (2008), *Aḥkām al-Tajwīd wa Faḍā'il al-Qur'ān* oleh Muḥammad Maḥmud 'Abd. al-'Alīm (t.t.) *al-Qirā'āt Aḥkāmuha wa Maṣdaruha* oleh Sha'bān Muḥammad Ismā'īl (1999), *Sharḥ Tayyibah al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashar* oleh al-Jazari (2000), *Ghāyah al-Nihāyah fī Tabaqāt al-Qurrā'* oleh al-Jazariyy (2006), *Riḥāb al-Qur'ān al-Karīm* oleh Salim Muḥayṣin (1989), *Laṭāif al-Isharāt li Funūn al-Qirā'āt* oleh al-Qaṣṭalānī (t.t.), *Tārīkh al-Qurrā' al-'Asharah* oleh Abd al-Fattāḥ al-Qaḍī (2002), *Ithāf Fudalā' al-Bashar fī al-Qirā'āt al-Arba'ah al-'Ashar* oleh Al-Banna, Shihāb al-Din Ahmad al-Dimyaṭī (1998), *al-Itqān fī 'Ulum al-Qur'ān* oleh Al-Suyūṭī, Jalāl al-Din Abd. Al-Rahmān, (t.t.) dan banyak lagi.

vi) Tesis dan Disertasi

Sumber daripada tesis dan disertasi telah digunakan di dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan ilmu tafsir dan ilmu

Qira'at di samping mengenalpasti aspek-aspek kajian yang perlu difokuskan supaya tidak berlaku pertindihan tajuk kajian.

vii) Artikel Jurnal dan Kajian Ilmiah

Artikel yang terdapat di dalam Jurnal dan hasil kajian ilmiah telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat terutamanya yang berkaitan dengan perkembangan ilmu tafsir dan ilmu Qira'at di Nusantara. Artikel dari Jurnal dan kajian ilmiah diperolehi sama ada melalui atas talian (*on line*) atau pun jurnal yang bercetak (*hard copy*) melalui aplikasi carian *Google Scholar*, *Academia*, *Researh Gate* dan banyak lagi.

viii) Perisian Program

Terdapat dua perisian program utama yang sering digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan ilmu tafsir dan ilmu Qira'at iaitu aplikasi digital *Maktabah Shāmilah* dan *al-Mawsū'ah al-‘Ammah*.

viii) Laman Sesawang (*website*)

Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah benar dan tulen, hanya laman sesawang yang berautoriti sahaja digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan kajian ini seperti [www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my), [www.muftiwp.gov.my](http://www.muftiwp.gov.my), [dorar.net/hadith](http://dorar.net/hadith). [www.altafsir.com](http://www.altafsir.com) dan banyak lagi.

Setelah mengenalpasti maklumat yang diperlukan melalui dokumen-dokumen yang dikumpul, maklumat tersebut akan dinilai dan dibandingkan untuk mendapatkan data-data utama. Setelah mengenalpasti keaslian dan kesahan data-data tersebut, ianya akan disalin dan diolah untuk dimasukkan dalam laporan kajian. Setiap maklumat yang dimuatkan dalam laporan kajian, pengkaji akan merujuk kepada beberapa individu terutamanya penyelia tesis untuk mendapatkan pandangan beliau terhadap maklumat yang ditulis.

### **1.10.3 Prosedur Analisis Data**

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan untuk menganalisis data kajian kualitatif. Ia bergantung kepada persoalan, tujuan dan konteks kajian (Othman Lebar, 2009). Proses pengumpulan data bagi kajian bersifat kualitatif tidak akan berakhir walaupun proses analisis telah bermula, bahkan akan berterusan disebabkan berlaku penambahbaikan bagi maklumat dan data yang tidak sempurna (Noraini Idris, 2010). Merriam (2001) di dalam Othman Lebar (2009) menjelaskan bahawa proses menganalisis data merupakan satu proses yang kompleks yang memerlukan pertimbangan di antara data yang konkret dengan konsep abstrak, samada induktif atau deduktif dan deskriptisi atau interpretasi. Ia juga merupakan proses mengatur, menstruktur dan menginterpretasi data yang telah dikumpul (Othman Lebar, 2009).

Untuk menganalisis data yang telah dikumpul, penulis telah memilih beberapa kaedah yang bersesuaian bagi memastikan data yang dianalisis disusun

mengikut tema di dalam bab-bab laporan kajian. Di antara kaedah yang digunakan untuk menganalisis data ialah kaedah deskriptif (analisis kandungan), kaedah induktif dan kaedah komparatif.

a) Kaedah deskriptif (analisis kandungan)

Pendekatan ini digunakan untuk menjelaskan seberapa tepat apa yang difahami dan menstruktur semula data dalam bentuk realiti yang mudah untuk difahami dan dikenali. Penyelidik yang menggunakan kaedah ini akan mengadun deskripsi, perkataan-perkataan subjek, petikan-petikan dari nota catatan dan interpretasi mereka sendiri ke dalam satu deskriptif yang terperinci dan boleh dipercayai (Othman Lebar, 2009).

Kaedah deskriptif telah digunakan bagi menjelaskan konsep-konsep ilmu Qira'at iaitu *Qirā'āt Mutawātirah, Masyhūr, Aḥād, Shādh, Maudū'* dan *Mudraj* di samping perkembangan kedua-dua ilmu ini di Nusantara. Kaedah deskriptif turut digunakan bagi menjelaskan perkembangan penulisan tafsir di Nusantara yang melibatkan karya-karya dan tokoh-tokoh tafsir. Kaedah ini banyak diaplikasi di dalam bab kedua dan ketiga kajian.

b) Kaedah induktif

Kaedah induktif ialah hasil yang diperolehi melalui satu analisis yang mendalam, menyeluruh dan sistematik terhadap sesuatu data atau maklumat yang diperolehi. Ia biasanya dikaitkan dengan pembinaan



teori (Othman Lebar, 2009). Kaedah induktif membolehkan sesuatu konsep, teori atau hipotesis dibentuk daripada maklumat yang dikumpul secara meluas dan mendalam (Othman Lebar, 2009).

Kaedah induktif telah digunakan bagi menganalisis kandungan yang terdapat di dalam tafsir Nusantara. Analisis terhadap ayat hukum dalam karya tafsir Nusantara dilakukan dengan mengenalpasti status dan kedudukan Qira'at yang digunakan melalui imam-imam dan rawi bacaan. Setelah dikenalpasti imam dan rawi yang digunakan, barulah dapat dikatakan sesebuah karya tersebut mengaplikasikan sama ada *Qirā'āt Mutawātirah, Masyhūr, Ahād, Shādh, Maudū'* dan *Mudraj* di samping dapat mengetahui jenis

Qira'at yang digunakan sama ada Qira'at Tujuh, Sepuluh atau Empat Belas dan sebagainya. Analisis terhadap ayat hukum dalam karya tafsir Nusantara juga dilakukan dengan mengenalpasti kaedah penulisan ilmu Qira'at di dalamnya. Kaedah penulisan ilmu Qira'at di dalam tafsir Nusantara melibatkan penggunaan perkataan yang khusus bagi keterangan yang melibatkan Qira'at, *taujīh Qīrā'āt* di samping membahaskan kesan-kesan Qira'at pada ayat hukum.

- c) Kaedah komparatif (perbandingan) ialah satu perbandingan di antara laporan kajian kualitatif dengan laporan yang ditulis tanpa dibuat satu analisis sebagaimana kajian kualitatif (Othman Lebar, 2009). Ini



bermaksud bahawa kajian kualitatif perlu kepada satu analisis terhadap maklumat dan data yang diperolehi bagi membezakannya dengan penulisan-penulisan lain. Sebanyak lima buah kitab tafsir Nusantara telah dipilih di dalam kajian ini iaitu tafsir *Turjumān al-Mustafīd* oleh Abdul Raūf al-Fanṣūrī, *Tafsir Nūr al-Iḥsān* oleh Haji Muḥammad Sa’īd ‘Umar dan *Tafsir Marāḥ Labīd* oleh Nawāwī al-Bantānī, *Tafsir al-Azhar* oleh HAMKA dan *Tafsir al-Miṣbāḥ* oleh M. Quraish Shihāb. Setiap kitab ini akan dibandingkan dengan kitab *Rawā'i al-Bayān fī Tafsīr Ayāt al-Aḥkām* oleh al-Šabūni untuk mengeluarkan ayat-ayat hukum yang berkaitan dengan Qira'at. Setiap kitab ini juga akan dibandingkan di antara satu sama lain bagi menentukan status dan jenis Qira'at yang digunakan serta kaedah penulisan Qira'at di dalamnya.

Secara ringkasnya, prosedur analisis data di dalam kajian ini telah melalui beberapa peringkat seperti berikut:

- i) Data dianalisis secara umum bagi mengenalpasti konsep-konsep ilmu tafsir dan ilmu Qira'at. Data juga dianalisis bagi mengenalpasti perkembangan ilmu tafsir dan ilmu Qira'at di Nusantara serta karya-karya dan tokoh-tokoh yang terlibat.
- ii) Analisis dilakukan pada lafaz-lafaz ayat hukum, imam-imam serta *rawi-rawi* Qira'at yang digunakan bagi mengenalpasti status dan

jenis Qira'at yang digunakan.

- iii) Analisis dilakukan terhadap metodologi penulisan ilmu Qira'at pada ayat-ayat hukum dalam tafsir Nusantara yang dipilih. Kaedah penulisan ini akan diteliti bagi mengenalpasti kehadiran ilmu Qira'at di dalam karya tersebut.
- iv) Analisis turut dilakukan bagi mengenal pasti jenis *Tawjîh al-Qirâ'ât* yang diaplikasikan dalam tafsir Nusantara yang dikaitkan dengan ayat hukum.

#### 1.10.4 Prosedur Pengesahan Data



Menurut Maxwell (1996) di dalam Othman Lebar (2009) menerangkan kesahan data adalah merujuk kepada ketepatan atau kredibiliti sebuah deskripsi, kesimpulan, penerangan, interpretasi dan lain-lain bentuk pernyataan atau laporan. Secara mudahnya, kesahan adalah untuk memastikan hasil dapatan kajian itu adalah tepat, benar dan pasti. Terdapat dua prosedur kesahan saamada kesahan dalaman atau kesahan luaran. Bagi memastikan kesahan hasil dapatan kajian ini, penulis hanya akan menggunakan kesahan dalaman sahaja yang melibatkan beberapa kaedah iaitu:

- a) Triangulasi

Triangulasi merupakan satu proses untuk menentusahkan sesuatu maklumat atau data yang diperolehi. Maklumat atau data mengenai sesuatu perkara akan dirujuk dari sumber-sumber yang lain (Noraini Idris, 2010). Kaedah ini

seolah-olah membandingkan satu dapatan maklumat dari pelbagai sumber bagi mengelakkan salahfaham terhadap maklumat yang diperolehi.

b) Pemeriksaan Rakan Sekerja

Kaedah ini dilakukan dengan meminta pandangan rakan sekelas atau individu lain yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka dalam bidang yang sama untuk mendapatkan komen dan pandangan mereka terhadap hasil dapatan kajian yang diperolehi.

c) Penyeliaan *Supervisior* dan Rakan Penyelia

Kaedah yang sama dilakukan seperti kaedah pemeriksaan rakan sekerja cuma penyeliaan oleh *supervisior* adalah lebih kerap dilakukan untuk mendapatkan pandangan, komentar dan nasihat beliau terhadap hasil dapatan kajian. Penyelia boleh mencadangkan rakan beliau untuk mendapatkan komen dan pandangan mengenai hasil dapatan tersebut.

Prosedur kesahan data berlaku sepanjang masa sepanjang proses kajian dijalankan. Ia tidak terhad sejauh mana penulisan laporan kajian dijalankan.




## 1.11 Kerangka Teori Kajian

Terdapat lima karya tafsir yang telah dihasilkan oleh ulama Nusantara mempunyai perbahasan mengenai ilmu Qiraat iaitu *Turjumān al-Mustafid* oleh Abdul Rauf al-Singkeli, *Tafsir Nūr al-Ihsān* oleh Hj. Muhammad Said dan *Tafsir Marāh Labīd* oleh Nawawi al-Bantani, *Tafsir al-Azhar* oleh HAMKA dan *Tafsir al-Misbah* oleh M.Quraish Shihab.

Karya-karya ini didapati turut membahaskan hukum shariat dari pelbagai aspek seperti akidah, akhlak dan fiqh yang melibatkan perkara seperti ibadah, munakahat, muamalat, jenayah dan jihad. Karya-karya ini juga didapati telah mengemukakan beberapa pendekatan penulisan Qira'at seperti penggunaan beberapa terminologi, tatabahasa arab dan huraihan secara langsung. Status Qiraat turut dinyatakan seperti *al-mutawātir*, *al-masyhūr*, *al-ahād*, *al-shāz*, *al-mauḍū'* dan *al-mudraj* di mana status tersebut bergantung kepada imam dan rawi bagi sesebuah Qira'at yang terlibat di dalam bacaan sesuatu ayat al-Qur'an.

Penelitian terhadap huraihan makna ayat di dalam tafsir Nusantara mendapati terdapat beberapa bentuk *Tawjīh al-Qirā'āt* yang diaplikasikan pada ayat hukum dalam tafsir Nusantara di antaranya ialah *al-Tawjīh al-Naqlī*, *al-Tawjīh al-Ma'navī*, *al-Tawjīh al-Nahwī*, *al-Tawjīh al-Şarf*. Berikut adalah kerangka umum kajian yang diadaptasi dari beberapa sumber:





Rajah 1.1. Kerangka Konsep Teori Kajian (Adaptasi daripada; *al-Šābūnī*, *al-'Arabi*, *al-Habash*, *Makki*, *'Abd. al-'Ālī Mas'ūl* dan *Hamzah Muhammad*)

## 1.12 Sistematika Penulisan

Kajian ini dimulakan dengan bab pendahuluan. Ia membincangkan beberapa aspek penting tentang kajian ini. Ia merangkumi pengenalan, masalah kajian, objektif kajian, metodologi kajian dan beberapa aspek asas yang berkaitan. Secara umumnya bab ini menggambarkan keseluruhan kajian ini secara ringkas.

Bahagian seterusnya ialah bab kedua yang membincangkan teori dan konsep yang berkaitan dengan ilmu Qira'at dan ilmu tafsir serta perkembangannya di Nusantara. Bab ini juga akan membincangkan secara khusus mengenai maksud ilmu Qira'at serta pembahagiannya dan perkembangan ilmu Qiraat dari sudut penghasilan karya tafsir di Nusantara.

Bahagian seterusnya ialah bab ketiga yang memperkenalkan karya-karya tafsir Nusantara yang mengandungi elemen-elemen ilmu Qira'at di dalam karya tersebut. Pada bab ini juga akan difokuskan kepada beberapa karya tafsir di Nusantara serta tokoh-tokoh yang terlibat dengan penghasilan karya tersebut serta metodologi penulisan ilmu Qira'at dan sandaran Qira'at yang terdapat dalam kitab tersebut.

Bab keempat merupakan kandungan utama kajian. Bab ini merupakan analisis terhadap aplikasi *al-Tawjīh al-Qirā'āt* pada ayat hukum dalam kitab tafsir Nusantara. Pada bab ini akan diterangkan maksud dan jenis *al-tawjīh* serta analisis

aplikasi *al-Tawjīh al-Qirā'āt* yang merangkumi hukum akidah, akhlak dan fiqh iaitu ibadah, munakahat, muamalat, jenayah dan jihad.

Bab kelima adalah bab yang terakhir dari kajian ini yang merupakan penutup bagi kajian. Bab ini membincangkan dapatan hasil kajian secara ringkas dari analisis yang dilakukan. Ia mengandungi implikasi dan cadangan kepada beberapa pihak terhadap hasil yang diperolehi dari kajian ini.

### 1.13 Kesimpulan

Kajian tentang ilmu Qira'at dalam karya tafsir telah banyak dihasilkan, namun kajian tentang ilmu ini dalam kitab tafsir di Nusantara masih kurang. Kombinasi ilmu Qira'at dalam kitab tafsir telah banyak diaplikasi dalam kitab tafsir yang dihasilkan oleh ulama dari Timur Tengah, namun situasi ini jarang dipraktikkan oleh ulama Nusantara.

Ilmu Qira'at sewajarnya turut dimuatkan dalam kitab tafsir kerana ia boleh memberi kesan terhadap pemahaman sesuatu pentafsiran lebih-lebih lagi ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan sesuatu hukum. Justeru bagi menganalisis aplikasi ilmu Qira'at dalam tafsir Nusantara, satu kajian dari sudut *al-Tawjīh al-Qirā'āt* perlu dilakukan. *al-Tawjīh* merupakan huraihan mengenai khilaf sesuatu Qira'at yang dibaca oleh imam atau rawi Qira'at yang melibatkan ayat-ayat mengenai hukum.



Kajian ini bermula dengan bahagian pendahuluan yang merupakan gambaran awal bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Beberapa komponen utama di dalam bahagian ini amat penting untuk diberi perhatian oleh pengkaji iaitu permasalahan kajian, objektif kajian dan metodologi kajian.

Metodologi kajian merupakan komponen paling penting dalam sesebuah kajian untuk memperolehi dapatan kajian bagi menyelesaikan permasalahan kajian dan menjawab objektif kajian. Oleh itu, hala tuju kejayaan kajian ini bergantung kepada ketepatan kaedah kajian yang digunakan.

